

17/01/2003

Kerajaan sedia serap guru SAR

Zulkifli Md Ali; Kadir Dikoh; Azman Mahmood

JELI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedia menyerapkan guru sekolah agama rakyat (SAR) yang berkelayakan ke sekolah kebangsaan.

Perdana Menteri berkata, guru terbabit akan ditawarkan gaji lebih baik berbanding yang diperoleh di SAR.

Malah, katanya, guru SAR tidak terlatih akan turut ditawarkan dan kerajaan sanggup memberi latihan perguruan kepada mereka, tetapi akan diambil sebagai guru sementara kerana kerajaan perlu tahu sama ada mereka ikhlas atau tidak.

"Jadi, guru ini kalau bekerja dengan kerajaan, kita nak tengok dulu ikhlas atau tidak, mampu atau tidak. Kita sanggup terima mereka," katanya

pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan Air Panas di sini, semalam.

Ketika ini ada kira-kira 11,000 guru di SAR di seluruh negara.

Pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pangkalan Chepa sebelum berangkat pulang selepas mengakhiri lawatan dua hari ke Kelantan pula, Dr Mahathir berkata, pengambilan guru SAR itu tertakluk kepada kelayakan mereka.

"Jika mereka tidak lulus, mungkin mereka kalau layak untuk dilatih, akan dilatih tetapi mereka mestilah menjalankan tugas secara yang sempurna. Kita akan beri peluang kepada mereka untuk menjadi guru sementara di sekolah kerajaan," katanya.

Dalam ucapannya pada perhimpunan itu juga, Perdana Menteri berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak menganiaya sesiapa apabila memutuskan untuk tidak lagi memberi bantuan kepada SAR kerana niatnya bagi menentukan rakyat hidup bahagia.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan guru SAR yang ingin beralih ke sekolah kebangsaan supaya menghentikan kegiatan menghasut murid dan mengajar mengikut kurikulum sukatan pendidikan agama yang sebenar.

Katanya, ada guru SAR mengajar murid melukis bendera Pas dan menyemai bibit kebencian seperti meminta mereka menanggalkan gambarnya (Perdana Menteri) kerana digambarkan sebagai Firaun.

"Itulah niat tak baik, tak ikhlas dan guru macam ini kita tak boleh terima. Kita sudah ada sekolah yang baik, apa perlu kita nak ada sekolah agama rakyat yang tidak baik?"

"Sekarang kita sedang kaji untuk memperbaiki lagi sukatan pelajaran agama supaya ia lebih berkesan, dapat membentuk manusia Islam sebenar daripada kecil," katanya.

Dr Mahathir menasihatkan ibu bapa termasuk orang Umno jika ada, supaya mengeluarkan anak mereka daripada SAR dan didaftarkan di sekolah kebangsaan.

"Tak perlu pergi SAR, kita rela menerima semua penuntut ini dan yang

termiskin diberi bantuan," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir mengesahkan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia Terengganu, Datuk Mustafa Ali menemuinya di Putrajaya baru-baru ini.

Beliau berkata, cuma Mustafa menemuinya dan bukan rombongan daripada Pas

dan mereka bercakap secara umum mengenai masalah politik negara termasuk isu penutupan Maktab Rendah Sains Mara-Yayasan Terengganu (MRSM-YT).

"Dia bercakap bukan pasal MRSM saja, dia bercakap secara umum mengenai masalah politik dalam Malaysia. Saya dengar pendapat dia dan dia dengar pendapat saya...tak ada keputusan yang dibuat," katanya.